

5.1.1 Memahami dan menggunakan golongan kata mengikut konteks;

i) kata nama am

A

Soalan 1 - 9

Isi tempat kosong dengan kata nama am yang sesuai.

hospital	mekanik	petani	pantai	monyet
parang	pasar	bangau	juruwang	

- _____ itu melayan pembeli di kaunter pasar raya.
- Lori Encik Adi sedang dibaiki oleh seorang _____.
- _____ itu sedang menanam padi di tengah sawah.
- Puan Asilah membeli ikan dan sayur di _____.
- Zaim dan Hamidi bermain layang-layang di tepi _____.
- Tiga ekor _____ sedang bergayut di atas pokok rambutan.
- Pemuda yang ditimpa kemalangan itu dibawa ke _____.
- Pak Leman membelah buah durian dengan sebilah _____.
- Seekor burung _____ hinggap di atas belakang kerbau.

TAHAP PENGUASAAN (TP)			CATATAN GURU :
1 Sangat Terhad ()	3 Memuaskan ()	5 Sangat Baik ()	
2 Terhad ()	4 Baik ()	6 Cemerlang ()	

5.1.1 Memahami dan menggunakan golongan kata mengikut konteks;
ii) kata nama khas

A

Soalan 1 - 9

Isi tempat kosong dengan kata nama khas yang sesuai.

Jalur Gemilang	Proton Exora	Muzium Negara
Sang Belang	Hotel Permata	Khamis
Tan Sri Abid	Huawei	Restoran Selera

- Encik Sam bercadang untuk membeli kereta _____.
- _____ pantas menerkam ke arah seekor rusa.
- _____ berkibar megah di puncak Gunung Kinabalu.
- Keluarga Hadif mengadakan kenduri pada hari _____.
- Pameran bahan-bahan bersejarah diadakan di _____.
- Keluarga Encik Fadhli makan tengah hari di _____.
- Mereka menginap di _____ semasa melancong ke Sabah.
- Temu ramah dengan _____ itu disiarkan di TV4.
- Kak Kamila menggunakan telefon pintar jenama _____.

TAHAP PENGUASAAN (TP)

CATATAN GURU :

1 Sangat Terhad ()	3 Memuaskan ()	5 Sangat Baik ()
2 Terhad ()	4 Baik ()	6 Cemerlang ()



Unit 2

Jiran Sepakat

Buku Teks: m/s 7 – 11

Bahagian A Tatabahasa



Kata Nama Khas

Kata nama khas ialah perkataan yang merujuk orang, tempat, haiwan atau benda secara khusus.
Contoh: Aiman, Kota Kinabalu, Si Jalak, Proton Saga.

Soalan 1 hingga 4

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

- Adik Molly sedang bermain dengan kucing kesayangannya yang bernama _____.
A Melaka
B Si Comel
C Kuala Kedah
D Kota Kinabalu
- Encik Nasir dan keluarganya akan berpindah ke _____ pada bulan hadapan.
A Iori
B Kereta
C Pahang
D Basikal
- Penduduk taman perumahan itu menanam pokok bunga di sepanjang _____.
A Jalan Kemboja
B Kereta api
C Pintu
D Kuda
- _____ membeli cenderamata untuk anaknya di sebuah kedai menjual barangan antik.
A Hotel
B Rumah
C Restoran
D Puan Julia

Soalan 5

5. Pilih ayat yang betul.
- Abang harlina baharu pulang dari hospital kerana melawat rakannya.
 - Aidil dan keluarganya akan bercuti di Pulau Redang.
 - Mereka akan pulang di kampung selama dua hari.
 - Pekerja restoran itu bernama jamil.

Aspek Tata Bahasa

C Isi tempat kosong dengan kata nama am yang betul.

rambutan buaian basikal gitar klinik khemah

1. Penduduk sedang memasang _____ untuk sambutan Hari Keluarga.
2. Jiran membawa anak Puan Seo ke _____ yang terjatuh dari pokok.
3. Ibu memberikan beberapa tangkai buah _____ kepada jiran.
4. Beberapa orang penduduk membaiki _____ di taman permainan.
5. Kakak memetik _____ sambil Sarjit bernyanyi dalam Suara Harmoni.
6. Danish dan Lee Keat menaiki _____ di sekitar kawasan perumahan mereka.

2

Tahap Penguasaan

B 1 ☐ Sangat Terhad 2 ☐ Terhad 3 ☐ Memuaskan 4 ☐ Baik 5 ☐ Sangat Baik 6 ☐ Cemerlang
C 1 ☐ Sangat Terhad 2 ☐ Terhad 3 ☐ Memuaskan 4 ☐ Baik 5 ☐ Sangat Baik 6 ☐ Cemerlang

KATA GANTI
NAMA

5.1.1 Memahami dan menggunakan golongan kata mengikut konteks;

i) kata ganti nama

A

Soalan 1 - 8

Isi tempat kosong dengan kata ganti nama yang sesuai.

kami

dia

patik

saya

beta

mereka

kamu

kita

1 _____ sama-sama menaiki bas di hadapan sekolah.

2 _____ hendaklah menjaga kebersihan anggota badan.

3 "Ibu, izinkan _____ bermain di padang," kata Zainizam.

4 _____ menunggang basikal untuk pergi ke kedai.

5 "_____ hendak pergi ke rumah Dino," kata Muaz dan Ezad.

6 "_____ mahu perkara ini disiasat dengan segera," titah Sultan Perak.

7 "Ampun tuanku, sembah _____ harap diampun," kata Hang Nadim.

8 "Mengapakah _____ tidak siapkan latihan ini?" tanya Cikgu Hairi kepada Saiful.

TAHAP PENGUASAAN (TP)

CATATAN GURU :

① Sangat Terhad () ③ Memuaskan () ⑤ Sangat Baik ()

② Terhad () ④ Baik () ⑥ Cemerlang ()

1. Kata ganti nama diri laras bahasa istana digunakan oleh golongan istana dan rakyat dalam perbualan. Contoh; hamba, patik, beta.
2. Kata ganti nama tunjuk digunakan untuk menunjukkan sesuatu benda atau perkara. Contoh; sana, situ, sini.

Soalan 1 hingga 3

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

- "Pasukan bola baling sekolah akan bertolak ke _____ pada petang ini," kata Cikgu Gan kepada guru besar.
A ini B itu
C sini D sana
- "Biar _____ yang menyelesaikan masalah lanun di Selat Melaka," sembah Laksamana Hang Tuah kepada Sultan Melaka.
A beta B patik
C hamba D tuanku
- "Datuk Bendahara, _____ berkenan untuk mencemar duli melihat kehidupan rakyat jelata di negeri ini," titah sultan.
A beta B patik
C tuanku D baginda

Soalan 4

4. *Pilih ayat yang betul.*
- A Rumah yang besar itu terletak tidak jauh dari sini.
 - B “Ampun, beta. Santapan sudah siap terhidang,” kata dayang kepada sultan.
 - C Helmi tidak mahu mengikut bapanya memancing ikan kerana ada banyak nyamuk di sini.
 - D “Hamba akan menyampaikan titah tuanku ini kepada rakyat jelata,” sembah Laksamana Hang Tuah kepada Sultan Melaka.

C Isi tempat kosong dengan kata ganti nama yang sesuai.

1. "Nama _____ Pak Ajib dan ketua kampung ini. Penduduk di sini sentiasa saling membantu dalam semua aktiviti," kata Pak Ajib kepada Sultan. [patik, tuanku]
2. "Memang _____ suka akan suasana di kampung ini dan penduduknya sentiasa bermuafakat," kata Sultan Mansur kepada bendahara. [beta; hamba]
3. "Sebentar tadi Hang Nadim berada di _____," kata Tun Perak sambil menunjukkan arah seberang jalan. [sini, sana]
4. "Ampun, _____. Ada pedagang ingin menghadap," kata Tun Perak kepada Sultan Ahmad. [hamba; tuanku]
5. "_____ akan menyumbangkan anak pokok kepada petani," kata Sultan Ahmad kepada hulubalangnyanya. [patik, beta]
6. "Bolehkah ketua kampung berjumpa dengan tuanku di _____," kata hulubalang kepada sultan yang berada di bilik mesyuarat. [situ; sini]
7. Sultan meminta hulubalang pergi ke kampung itu untuk melihat-lihat keadaan di _____. [sini; situ]
8. "_____ akan menghadap sultan untuk meminta bantuan," kata pemuda itu kepada hulubalang. [hamba, beta]

PENJODOH
BILANGAN

5.1.1 Memahami dan menggunakan golongan kata mengikut konteks;
iv) penjodoh bilangan

A

Soalan 1 - 9

Gariskan penjodoh bilangan yang sesuai.

- 1 Hakimi membeli se (ketul, naskhah) majalah di kedai runcit.
- 2 Zahira mengambil se (cubit, kepal) isi ikan kembung itu.
- 3 Se (sikat, ruas) pisang emas dijual dengan harga RM 4.00.
- 4 Datuk membelah kayu menggunakan se (bidang, bilah) kapak.
- 5 Pelancong dari Itali itu makan dua (ulas, ikat) buah durian.
- 6 Azhar menjolok buah mangga itu dengan se (batang, utas) galah.
- 7 Adibah memulakan ucapannya dengan se (kaki, rangkap) pantun.
- 8 Puan Sara memasukkan sayur sawi itu ke dalam se (helai, buah) bakul.
- 9 Yusri membeli se (jambak, gugus) bunga mawar untuk dihadihkan kepada ibunya.

TAHAP PENGUASAAN (TP)

1 Sangat Terhad ()	3 Memuaskan ()	5 Sangat Baik ()
2 Terhad ()	4 Baik ()	6 Cemerlang ()

CATATAN GURU :

Kesihatan Harus Dijaga

Bahagian A Tatabahasa

LIVEWORKSHEETS

C Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

1. Cikgu Adlin menampalkan se_____ poster pada papan kenyataan di kantin.
A helai
B bidang
C keping
D lembar
2. Adlin mengambil se_____ gunting untuk memotong lebihan tali itu.
A bilah
B batang
C buah
D biji
3. Kanesh membantu cikgu memasang se_____ kain rentang di dewan.
A bidang
B helai
C keping
D kaki

Soalan 4 berdasarkan gambar di bawah.



4. Mei Ling makan se_____ buah betik semasa sarapan tadi.
A biji
B butir
C ketul
D potong

5. Pada setiap pagi Amira makan dua _____ roti dan minum segelas susu.
A helai
B keping
C ketul
D biji
6. Leela makan se_____ epal pada waktu rehat.
A biji
B butir
C buah
D bilah
7. Farah dan rakannya sedang menyusun beberapa _____ risalah tentang makanan sihat.
A helai
B naskhah
C buah
D keping

Soalan 8 berdasarkan gambar di bawah.



8. Adila membawa se_____ payung semasa keluar ke kedai kerana cuaca sangat panas.
A batang
B buah
C kaki
D bilah


KATA ADJEKTIF

5.1.3 Memahami dan menggunakan kata adjektif mengikut konteks;

i) jarak ii) perasaan iii) pancaindera

A Soalan 1 - 9

Isi tempat kosong dengan kata adjektif yang sesuai.




- 1 Api menjulang _____ ke udara.
- 2 Kek hari jadi Hanani berbentuk _____.
- 3 Adik demam _____ sejak dua hari yang lalu.
- 4 Suara penyanyi wanita itu sungguh _____.
- 5 Encik Rasdi membeli sebuah rumah _____.
- 6 Abang memberitahu ibu sebab dia pulang _____.
- 7 Farizal mengetuk paku itu dengan _____.
- 8 Aira tidak mahu makan ubat itu kerana rasanya _____.
- 9 Kanak-kanak yang berbadan _____ itu adik Fatin.

TAHAP PENGUSAHAAN (TP)			CATATAN GURU :
1 Sangat Terhad ()	3 Memuaskan ()	5 Sangat Baik ()	
2 Terhad ()	4 Baik ()	6 Cemerlang ()	

C Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

- Kanesh memakai baju lengan _____ semasa membantu Cikgu Lee di kebun sekolah.
A panjang C lebar
B besar D longgar
- Laluan masuk yang _____ itu akan diperlebar oleh pihak sekolah demi keselamatan murid-murid.
A kecil C sempit
B besar D pendek


Soalan 3 berdasarkan gambar di bawah.



- Naim memakai but getah yang tapaknya agak _____ sebagai langkah keselamatan.
A luas
B tebal
C tinggi
D gempal
- Lee Keat memakai baju yang _____ semasa bermain di bersenam.
A luas
B singkat
C besar
D longgar

- Cikgu melarang murid-murid memakai kasut yang tapaknya _____ semasa berkhemah.
A nipis C kecil
B pendek D sempit

Soalan 6 berdasarkan gambar di bawah.



- Tukang kebun sekolah memakai topi yang _____ semasa mencantas pokok hiasan di tepi pagar.
A luas C lebar
B panjang D besar
- Ramesh dan rakannya berteduh di bawah pokok yang _____ itu.
A rendang
B besar
C kecil
D lebar
- Pokok mangga yang ditanam di kebun sekolah sudah _____.
A besar
B panjang
C tinggi
D luas

C **Garis kata adjektif yang sesuai. Kemudian, isikan di tempat kosong.**

1. Ibu melarang adik berlari-lari _____ dengan dapur kerana bahaya. [hampir; rapat]
2. Pengawal itu bertindak dengan _____ untuk menjaga keselamatan mereka. [deras; pantas]
3. Para murid tidak harus _____ apabila keluar dari kelas semasa kebakaran. [gopoh; pantas]
4. Mei Ling begitu _____ semasa menggunakan gunting apabila menggunting kertas itu. [cermat; baik]

Tahap Penguasaan

B ☐ Sangat Terhad ☐ 2 Terhad ☐ 3 Memuaskan ☐ 4 Baik ☐ 5 Sangat Baik ☐ 6 Cemerlang

C ☐ Sangat Terhad ☐ 2 Terhad ☐ 3 Memuaskan ☐ 4 Baik ☐ 5 Sangat Baik ☐ 6 Cemerlang